



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

#### KERAJAAN PERKUKUH TINDAKAN PEMULIHARAAN SUNGAI MELALUI JAWATANKUASA KHAS MENANGANI KEMEROSOTAN KUALITI AIR SUNGAI KEBANGSAAN (JKKAS)

**KUALA LUMPUR**, 21 Ogos 2025 - Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) Bil. 2 Tahun 2025 pada 21 Ogos 2025 di Kuala Lumpur. JKKAS berperanan memantau pelaksanaan strategi meningkatkan kualiti air sungai di seluruh negara melalui pendekatan pengurusan bersepadu, dengan penglibatan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan lain.

Mesyuarat memberi tumpuan kepada **Laporan Status Kualiti Air Sungai 2024** oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Daripada **672 sungai utama dipantau**, sebanyak **475 sungai (71%) berada dalam kategori bersih**, **170 sungai (25%) sederhana tercemar**, manakala **27 sungai (4%) tercemar**. Antara parameter utama pencemar dikenal pasti ialah ***Biochemical Oxygen Demand (BOD)***, ***Chemical Oxygen Demand***

(COD), Ammonia Nitrogen (AN), *Total Suspended Solids* (TSS) dan *Dissolved Oxygen* (DO).

Selain itu, mesyuarat mencadangkan **piawaian baharu pelepasan efluen air sisa bandar dan luar bandar** berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM). Piawaian ini, yang akan dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, merangkumi **11 parameter utama** termasuk pH, BOD, COD, pepejal terampai, minyak dan gris, nitrogen, merkuri, warna dan sisa pepejal.

Dalam hal ini, mesyuarat telah memutuskan satu **bengkel** memperincikan piawaian pelepasan air dari sistem perparitan sebelum dilepaskan ke jajaran sungai. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyelaras tindakan bersama Kementerian berkaitan dan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga disarankan untuk menggunakan teknologi tempatan yang telah dibangunkan oleh pihak NAHRIM seperti pengekstrak beban terampai, perangkap minyak dan gris menggunakan teknologi IOT, sistem Intriguard bagi penandaan rizab sungai untuk mengelak pencemaran luar masuk ke dalam jajaran sungai.

Pelaksanaan langkah strategik ini diyakini dapat **memulihkan kualiti air sungai secara signifikan**, memastikan kelestarian alam sekitar, menjamin kesihatan rakyat, serta menyokong pembangunan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran perubahan iklim dan pencemaran global.

Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri menegaskan komitmen berterusan untuk **memastikan sungai-sungai negara kekal bersih, selamat dan lestari untuk generasi kini dan akan datang**, selaras

dengan konsep Malaysia MADANI yang menitikberatkan kemampanan sumber negara demi kesejahteraan rakyat.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**  
**21 Ogos 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

